

03 MAY 2003

Abdullah-Economist

RENCANA MUSTAPA DIHANTAR KEPADA MAJALAH ECONOMIST

IPOH, 3 Mei (Bernama) -- Satu rencana yang ditulis oleh Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed telah dihantar kepada majalah The Economist, kata Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Katanya, rencana itu bertujuan menangkis hujah-hujah majalah itu mengenai beberapa perkara yang terkandung dalam keluaran 5-11 April yang memperkecilkan sumbangan dan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah berkata satu surat yang menunjukkan kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam rencana itu juga telah dihantar kepada majalah yang berpejabat di London itu.

"Surat itu menunjukkan kesalahan mereka yang perlu dibetulkan. Kita tunggulah reaksi mereka," katanya selepas mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno Negeri Perak di kediaman Menteri Besar di sini hari ini.

Majalah itu antara lain membuat rumusan bahawa Dr Mahathir mungkin boleh ditakrifkan sebagai gagal kerana impian beliau menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju seperti dihasratkan melalui Wawasan 2020 menjelang tahun 2020, amat sukar dicapai.

Ia juga memperkecilkan keupayaan Dr Mahathir yang dianggapnya sebagai seorang diktator, malah memandang rendah corak kepimpinan penggantinya, Abdullah.

Rencana "The Changing of Guard - A Survey of Malaysia" ditulis oleh Christopher Lockwood.

Abdullah berkata sebelum ini majalah itu menerusi Ketua Pengarangnya telah menjawab surat yang dihantar Kementerian Dalam Negeri.

"Mereka bersedia meminta maaf jika ada kesalahan-kesalahan fakta dalam rencana itu. Mereka juga memberi kita ruang untuk menangkis sebarang pandangan mereka," katanya.

Pelbagai pihak, termasuk Abdullah, sebelum ini telah meminta majalah itu meminta maaf atas penyiaran artikel tersebut.

-- BERNAMA

AR MOZ